



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 26 SEPTEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	JANGAN NORMALISASI PERILAKU GANGGUAN SEKSUAL	
	https://www.sinarharian.com.my/article/280928/berita/nasional/jangan-normalisasi-perilaku-gangguan-seksual	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-normalisasi-perilaku-ada-unsur-gangguan-seksual-nancy-shukri-438994	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=ZlwX4Ewddd	YOUTUBE
	https://www.thesundaily.my/local/nancy-behaviour-with-sexual-harassment-elements-shouldn-t-be-normalised-DG11537747	THESUNDAILY.MY
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2228825	BERNAMA.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/25/don039t-normalise-sexual-harassment-in-any-form-says-nancy	THESTAR.COM.MY
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/09/25/behaviour-with-sexual-harassment-elements-shouldnt-be-normalised-says-nancy-shukri/92865	MALAYMAIL.COM
	https://www.thesundaily.my/cerita/nancy-shukri-kangan-normalisasi-perilaku-ada-unsur-gangguan-seksual-BG11537666	THESUNDAILY.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/463819	THEMALAYSIAINSIGHT.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	WHY FOCUS ON JUST MOTHERS NOT FATHERS? WOMEN'S GROUPS ASK AFTER MINISTER NANCY ANNOUNCED RULEBOOK FOR 'FIT' MUMS	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/09/25/why-focus-on-just-mothers-not-fathers-womens-groups-ask-after-minister-nancy-announced-rulebook-for-fit-mums/92749	MALAYMAIL.COM
	https://focusmalaysia.my/why-only-focus-on-mothers-and-not-parents-ngo-asks-nancy-shukri-over-sops-for-fit-mums/	FOCUSMALAYSIA.MY
	https://www.malaysiakini.com/letters/680490	MALAYSIAKINI.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

26/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	UITM SARAWAK EXPLORES COLLABORATION WITH MINISTRY	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/uitm-sarawak-explores-collaboration-with-ministry/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	REPORT: WITH CHILD SEX CRIMES AND PORN ON THE RISE, BUKIT AMAN IDENTIFIES CHALLENGES AND MANPOWER NEEDS	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/09/25/report-with-child-sex-crimes-and-porn-on-the-rise-bukit-aman-identifies-challenges-and-manpower-needs/92757	MALAYMAIL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	LUAHAN PEMBACA: HENTIKAN SEGERA DERA KANAK-KANAK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/25/luahan-pembaca-hentikan-segera-dera-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	GALAK PENYERTAAN KANAK-KANAK, REMAJA DALAM PEMBUAT KEPUTUSAN	
	https://api.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/09/1156902/galak-penyertaan-kanak-kanak-remaja-dalam-pembuat-keputusan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	WANITA GALAS TANGGUNGJAWAB KETUA KAMPUNG	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/wanita-galas-tanggungjawab-ketua-kampung/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	ANIS RIZANA WANITA PERTAMA DILANTIK KETUA PENGARAH KASTAM	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/25/anis-rizana-wanita-pertama-dilantik-ketua-pengarah-kastam/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/280794/berita/nasional/anis-rizana-wanita-pertama-dilantik-ketua-pengarah-kastam	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1156926/anis-rizana-wanita-pertama-dilantik-ketua-pengarah-kastam-baharu	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2228605	BERNAMA.COM
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/anis-rizana-wanita-pertama-dilantik-sebagai-ketua-pengarah-kastam-FG11535606	THESUNDAILY.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/680450	MALAYSIAKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	WARGA EMAS JADIKAN RUMAH TEMPAT 'TIMBUNAN SAMPAH', ABAI KESELESAAN JIRAN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-jadikan-rumah-tempat-timbunan-sampah-abai-keselesaian-jiran-439005	ASTROAWANI.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2228843	BERNAMA.COM
	https://www.thesundaily.my/cerita/warga-emas-jadikan-rumah-tempat-timbunan-sampah-abai-keselesaian-jiran-LG11537905	THESUNDAILY.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/280952/edisi/warga-emas-hidup-berteman-timbunan-sampah	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malysiagazette.com/2023/09/25/warga-emas-jadikan-rumah-tempat-timbunan-sampah-abai-keselesaian-jiran/	MALAYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	SARAWAK SEDIA HADAPI PERALIHAN MONSUN	
	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/09/1157085/sarawak-sedia-hadapi-peralihan-monsun	BHARIAN.COM.MY
	https://tvstv.my/2023/09/25/sarawak-siap-sedia-hadapi-monsun-timur-laut-uggah/	TVSTV.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1013346/sarawak-sedia-hadapi-peralihan-monsun	HMETRO.COM.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/463803	THEMALAYSIAINSIGHT.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
11	VIDEO TULAR ANGGOTA POLIS PUKUL WANITA ADALAH VIDEO LAMA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1013412/video-tular-anggota-polis-pukul-wanita-adalah-video-lama	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/25/polis-selangor-siasat-video-wanita-dakwa-dipukul-anggotanya/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/280921/berita/semasa/dakwaan-wanita-dipukul-anggota-polis-disiasat	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/25/anggota-polis-pukul-wanita-disiasat/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2228802	BERNAMA.COM
	https://selangorkini.my/2023/09/polis-siasat-video-tular-wanita-dipukul-penjawat-awam/	SELANGORKINI.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/video-tular-pukul-wanita-polis-buka-kertas-siasatan-tatatertib-438991	ASTROAWANI.COM



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	WANITA WARGA SINGAPURA MAUT DALAM INSIDEN VAN JATUH CERUN DI BALIK PULAU	
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-warga-singapura-maut-dalam-insiden-van-jatuh-cerun-di-balik-pulau-CG11533919	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	PERNAS SASAR GOLONGAN VETERAN, WANITA DAN BELIA	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/pernas-sasar-golongan-veteran-wanita-dan-belia/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	BUDAK LEMAS DALAM KOLAM RENANG, ABANG TIRI DIBERKAS	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-lemas-dalam-kolam-renang-abang-tiri-diberkas-438893	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/video/2023/09/polis-tahan-abang-tiri-bantu-siasatan-adik-lemas/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/25/biar-kanak-kanak-lemas-polis-tahan-abang-tiri/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/280763/berita/semasa/budak-lemas-dalam-kolam-renang-abang-tiri-diberkas	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2228678	BERNAMA.COM
	https://www.thesundaily.my/cerita/abang-tiri-ditahan-bantu-siasatan-kanak-kanak-perempuan-lemas-ketika-mandi-kolam-HG11535266	THESUNDAILY.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/09/25/abang-tiri-hanya-lihat-adik-lemas-di-kolam-tanpa-bertindak-selamatkan-mangsa/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/abang-tiri-ditahan-bantu-siasatan-kes-lemas-kanak-kanak-empat-tahun/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	40 KANAK-KANAK TADIKA TERPERANGKAP BANJIR KILAT	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/25/40-kanak-kanak-tadika-terperangkap-banjir-kilat/	KOSMO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=xbOQ1QTV2kc	YOUTUBE
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1156984/sekolah-dilanda-banjir-kilat-bomba-selamatkan-40-kanak-kanak-tiga	BHARIAN.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/71649-kanak-kanak-tadika-cemas-sekolah-dinaiki-air	BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	ORANG AWAM HILANG HORMAT UNDANG-UNDANG LINDUNGI KANAK-KANAK, KATA PESURUHJAYA SUHAKAM	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/25/orang-awam-hilang-hormat-undang-undang-lindungi-kanak-kanak-kata-pesuruhjaya-suhakam/	FREEMALYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
17	SUSPEK KES BUNUH KANAK-KANAK BERJAYA DITANGKAP	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/25/suspek-kes-bunuh-kanak-kanak-berjaya-ditangkap	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	OKU KESAL KISAH KEPERITAN HIDUPNYA DIPERTIKAI WARGANET	
	https://www.sinarharian.com.my/article/280926/edisi/utara/oku-kesal-kisah-keperitan-hidupnya-dipertikai-warganet	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	TANGISAN BAYI DI RUMAH DALAM PEMBINAAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1157140/tangisan-bayi-di-rumah-dalam-pembinaan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/tengah-malam-dengar-tangisan-bayi-di-tapak-binaan-rumah/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1013372/bayi-baru-lahir-ditinggalkan-di-rumah-dalam-pembinaan	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/280891/berita/semasa/bayi-perempuan-dijumpai-di-belakang-rumah-belum-siap	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/25/bayi-perempuan-dibuang-di-rumah-belum-siap/	KOSMO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-masih-bertali-pusat-dibuang-di-rumah-dalam-pembinaan/	BULETINTV3.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-dijumpai-di-belakang-rumah-belum-siap-438970	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
20	TEBAK PENCURI LEMBU: WARGA EMAS DENGAR TIGA DAS TEMBAKAN DEPAN RUMAH	
	https://www.kosmo.com.my/2023/09/25/tebak-pencuri-lembu-warga-emas-dengar-tiga-das-tebakan-depan-rumah/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	WARGA EMAS PARAH DALAM KEMALANGAN DI RANAU	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/220540/warga-emas-parah-dalam-kemalangan-di-ranau/	DAILYEXPRESS.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
22	LELAKI DIDENDA CURI BASIKAL WARGA EMAS	
	https://suarasarawak.my/lelaki-didenda-curi-basikal-warga-emas/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	SANGGUP CUTI TANPA GAJI JAGA IBU TERLANTAR	
	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/280840	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	IBU TUNGGAL TARIK RAYUAN KEPUTUSAN MAIPS SEBAGAI PENCELAH	
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/09/ibu-tunggal-tarik-rayuan-keputusan-maips-sebagai-pencelah/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/463831	THEMALAYSIAINSIGHT.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/680483	MALAYSIAKINI.MY
	https://www.thesundaily.my/cerita/loh-fail-notis-tidak-teruskan-permohonan-cabar-keputusan-benar-maips-jadi-pencelah-AG11538019	THESUNDAILY.MY
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/25/loh-fokus-pengislaman-unilateral-anak-batal-cabar-pencelahan-maips/	FREEMALYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
25	6,449 SURI RUMAH MENCARUM SKSSR DI MELAKA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/6449-suri-rumah-mencarum-skssr-di-melaka-438825	ASTROAWANI.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/9/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
26	ANGGOTA BOMBA DIPENJARA 3 BULAN KERANA CEDERAKAN IBU SAUDARA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1013267/anggota-bomba-dipenjara-3-bulan-kerana-cederakan-ibu-saudara	HMETRO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/akibat-cederakan-ibu-saudara-anggota-bomba-dipenjara-3-bulan/	BULETINTV3.MY



TAJUK : AKRM BERI RIANG NIAGA PERCUMA KEPADA IBU TUNGGAL

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 SEPT 2023

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

AKRM beri ruang niaga percuma kepada ibu tunggal



Izzatul Shima dan Tunku Rozita (kanan) melihat produk jualan selepas merasmikan Program Bazar Usahawan Wanita di Selayang Mall, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kuala Lumpur: Amanah Raya-Kenedix REIT Manager Sdn Bhd (AKRM) membantu wanita khususnya ibu tunggal yang memulakan perniagaan dengan memberikan ruang niaga percuma di Bazar Usahawan Wanita di Selayang Mall.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) anak syarikat milik penuh Amanah Raya Berhad (ARB) itu bermatlamat memperkasakan ekonomi wanita dalam mempertingkatkan kemahiran dan pengurusan perniagaan.

Pengarah Urusannya, Tunku Rozita Tunku Abdul Malek, berkata penganjuran bazar yang diadakan selama tiga hari sempena Hari Malaysia, baru-baru ini, bertepatan inisiatifnya memperkasakan ekonomi wanita.

"Program CSR yang kedua AKRM bagi tahun ini bermatlamat ibu tunggal bagi menyokong pembangunan ekonominya,

selain mendukung matlamat amalan Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

"Program ini juga antara inisiatif AKRM untuk memperkasakan ekonomi wanita dalam mempertingkatkan kemahiran dan pengurusan perniagaan bagi membolehkan penjana pendapatan mampan," katanya.

Bantu kembang perniagaan

Bazar Usahawan Wanita itu dirasmikan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datin Izzatul Shima Md Thahir.

Yang hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Raya Berhad, Ahmad Feizal Sulaiman Khan.


Bazar itu dengan kerjasama

JPW Kementerian itu bertujuan membantu golongan berkenaan, terutama yang baharu memulakan bidang perniagaan bagi memperkenalkan produk mereka kepada penganjur.

Tunku Rozita berkata, bazar itu bermanfaat bagi mereka memperkenalkan produk industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS), selain membantu memperluaskan pengalaman dan memperkembangkan lagi perniagaan.

Sepanjang penganjurannya, pelbagai aktiviti disediakan antaranya seperti perkongsian ilmu oleh pakar bidang perancangan kewangan, pemerkasaan wanita dan penjagaan kesihatan.

Selain itu, pertandingan warna turut dianjurkan bagi menggalak semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan kanak-kanak.



TAJUK : ANIS RIZANA WANITA PERTAMA DILANTIK KETUA PENGARAH KASTAM BAHARU

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 SEPT 2023

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Anis Rizana wanita pertama dilantik Ketua Pengarah Kastam baharu

Putrajaya: Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin menjadi wanita pertama dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), berkuat kuasa semalam.

Anis Rizana, 54, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Western Michigan University, Amerika Syarikat (AS) dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata Anis

Rizana memiliki pengalaman luas dalam perkhidmatan awam selama 29 tahun dengan jawatan pertama yang disandang ialah sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Kewangan, Kementerian Kewangan pada 1994.

“Pelantikan ini adalah kali pertama bagi seorang penjawat awam wanita menyandang jawatan se-



Anis Rizana


bagai Ketua Pengarah JKDM.

“Beliau berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk pelaburan import eksport, penyelidikan dan pembangunan dasar, ekonomi, pengurusan dan kewangan serta pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), Kementerian Kewangan,” katanya

menerusi kenyataan, semalam.

Mohd Zuki berkata, beliau percaya dengan pengalaman dan kredibiliti dimiliki Anis Rizana mampu menerajui agensi yang amat penting dalam pengutipan hasil kerajaan.

Selain itu, beliau mewakili kerajaan merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Zazuli Johan di atas jasa dan khidmat baktinya kepada perkhidmatan awam terutama sepanjang menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Kastam.



TAJUK : INTERVENSI SENI BANTU TINGKAT INTERAKSI, KECEERIAAN WARGA EMAS

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 SEPT 2023

M/SURAT : 13

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Intervensi seni bantu tingkat interaksi, keceriaan warga emas

Muhammad
Asyraf
Mohd Bakri,
Pusat Pengajian
Seni, Universiti
Sains Malaysia

Ketika ini Malaysia sedang menuju status 'negara tua' menjelang 2030 iaitu sekitar tujuh tahun dari sekarang. Justeru, tentu sahaja perancangan sudah mula dibuat oleh kerajaan bagi memastikan rakyat dapat disiajipagakan.

Secara umum, warga emas merujuk kepada mereka berusia 60 tahun ke atas. Berdasarkan angka itu, kebanyakan mereka bakal berhadapan risiko pelbagai penyakit, antaranya demensia atau nyanyuk.

Ita terjadi apabila berlaku penyusutan dari segi kemampuan minda, psikomotor, fungsi kognitif, emosi, malah dianggap sebagai satu daripada proses penuaan yang normal dan tidak dapat dielakkan. Nyanyuk tiada rawatan, tetapi simptom yang dialami boleh diatasi.

Umumnya, mereka yang nyanyuk memerlukan penjagaan teliti. Mereka tidak boleh dibiarkan sendiri dan memerlukan pengawasan. Justeru, ramai daripada mereka dihantar ke pusat jagaan oleh waris masing-masing. Antara sebabnya adalah pusat jagaan memiliki persekitaran yang lebih kon-

dusif dengan kelengkapan yang baik bagi warga emas.

Selain itu mereka memiliki kakitangan terlatih malah, ada yang diusahakan oleh agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan swasta. Justeru, ia menawarkan kemudahan dan keselesaan yang jauh lebih baik berbanding di rumah.

Seni pengaruhi penjagaan pesakit

Bagaimanapun disebabkan nyanyuk tidak memiliki rawatan khusus untuk penyembuhan, antara kaedah penjagaannya, termasuk intervensi seni. Kaedah itu merujuk kepada bagaimana seni mempengaruhi penjagaan pesakit, persekitaran hospital, pembangunan komuniti dalam konteks perubahan dan lain-lain. Ia adalah kaedah yang sudah digunakan di seluruh dunia. Apa yang menarik adalah ia tidak menggunakan sebarang ubat-ubatan.

Sebelum ini, Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia (USM) sudah menjalankan satu penyelidikan berkaitan intervensi seni dengan mengaplikasikan penggunaan angklung terhadap warga


emas yang ditempatkan di pusat penjagaan.

Hasil daripada kajian itu mendapati penggunaan angklung dapat membantu kesejahteraan warga emas menerusi aktiviti yang dijalankan iaitu dari segi psikologi kerana ia mengeluarkan bunyi yang tenang. Ia juga membantu warga emas kerana berlaku perubahan emosi yang lebih ceria ketika bermain angklung, malah dapat berinteraksi dengan rakan ketika bermain.

Kajian itu juga mendapati menerusi intervensi angklung membantu fungsi psikomotor warga emas. Ia terlihat menerusi pergerakan tangan apabila mereka memainkan angklung.

Malah, ia membantu meningkatkan fungsi kognitif warga emas kerana menerusi aktiviti dalam kumpulan mereka dapat berinteraksi dan berkomunikasi. Kajian itu mendapati ia turut meningkatkan kepekaan dan penglihatan peserta terbabit.

Meskipun kajian ini masih pada peringkat awal, ia memperjelaskan bagaimana seni boleh membantu warga emas. Justeru, diharap lebih ramai penyelidik menjalankan kajian seumpamanya kepada kelompok ini.



TAJUK : PUSAT JAGAAN WARGA EMAS RESAH SUMBANGAN BERKURANGAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 SEPT 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pusat jagaan warga emas resah sumbangan berkurangan

Johor Bahru: Pengurusan sebuah pusat jagaan warga emas mendakwa bekalan beras bagi menampung keperluan penghuni di situ semakin terhad sejak kelakangan ini.

Pengurus Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan, Norijah Bidin, berkata sejak lebih sebulan lalu, sumbangan beras yang diperoleh daripada orang ramai juga berkurangan hampir 50 peratus berbanding sebelum ini.

Beliau berkata, pusat itu yang memiliki tiga cawangan termasuk di Kempas dan di Ledang, Muar, di sini memerlukan 60 kilogram bekalan beras pada setiap hari.

Namun, pihaknya tidak menolak kemungkinan faktor kenaikan harga beras selain bekalan beras putih tempatan (BPT) sukar diperoleh menghalang penyumbang untuk menderma.


"Pusat jagaan ini memberi perlindungan kepada 167 penghuni termasuk warga emas dan orang kurang upaya (OKU) mental.

"Ada penghuni kami yang memiliki waris turut memberi sumbangan pada setiap bulan, namun seramai 60 penghuni kami termasuk muafaf tidak berwaris.

"Kebiasaannya kami menggunakan enam hingga lapan paket beras 10 kilogram bergantung kepada menu masakan sarapan pagi, makan tengah hari mahupun makan malam," katanya.

Norijah berkata, pihaknya mengalukan sumbangan beras bagi menampung keperluan penghuni.

"Sebelum ini kami kerap menerima sumbangan beras mahupun lampin pakai buang, namun kini semakin berkurangan. Sumbangan juga akan dibahagikan bagi keperluan penghuni di tiga cawangan kami," katanya selepas Program Khidmat Masyarakat Bersama Pusat Jagaan Nur Ehsan anjuran Memis Sdn Bhd, di sini, semalam.



TAJUK : WANITA KENA TINGKAT PERANAN BANTU KELUARGA

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 SEPT 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita kena tingkat peranan bantu keluarga



Oleh **Dr Tengku Norbaya
Tengku Azhar**
bhrencana@bh.com.my

Sejak kebelakangan ini, Malaysia digegarkan dengan krisis kenaikan harga barang mendadak, kemerosotan nilai ringgit dan terkini kekurangan bekalan beras putih tempatan di pasaran.

Krisis berlaku ini menjadikan kehidupan masyarakat semakin tertekan kerana ketidakcukupan sumber kewangan dalam perbelanjaan harian, terutama kos untuk membeli barang makanan dilihat meningkat secara mendadak.

Laporan daripada Jabatan Perangkaan menunjukkan kenaikan perbelanjaan makanan dan minuman bukan alkohol daripada RM783 pada 2019 kepada RM841 pada 2023.

Kenaikan kos sara hidup, harga barang dan kekurangan bekalan makanan ini sebenarnya turut mempunyai kaitan dengan golongan wanita. Wanita terutama bergelar ibu, menjadi nadi di dalam keluarga memainkan peranan besar dalam memastikan kelangsungan hidup keluarga, terutama anak-anak.

Wanita lazimnya dikaitkan sebagai 'pengurus rumah tangga' yang cekap kerana memiliki keupayaan dan arif untuk mengurus perbelanjaan

harian keluarga. Justeru, kebijaksanaan mereka akan membantu mengurangkan beban kewangan dihadapi keluarga ketika berdepan krisis ketika ini.

Perubahan hidup pasca COVID-19

Isu makan di luar atau di rumah sering dikaitkan dengan komitmen ibu atau wanita. Peningkatan kos makan di luar, termasuk penginapan seperti dilaporkan dalam Kaji Selidik Perbelanjaan Isi Rumah (HES) 2023, iaitu sebanyak RM831 daripada RM631 pada 2019 dikaitkan dengan perubahan hidup masyarakat pasca pandemik COVID-19.

Apabila golongan ibu kembali bekerja ke pejabat, komitmen mereka untuk urusan rumah tangga seperti penyediaan makanan semakin berkurangan. Namun, ketika menghadapi krisis ekonomi dan makanan, budaya makan di rumah antara kaedah dapat mengurangkan beban kewangan di samping memberi manfaat kepada keluarga.

Wanita lazimnya bijak memilih makanan memiliki nilai ekonomi kepada keluarga dan baik untuk kesihatan seisi rumah.

Pemilihan makan di rumah mampu mengurangkan pengambilan makanan segera di kedai yang ternyata tinggi kandungan lemak, garam dan gula.


Ini juga menjadi satu langkah baik bagi mengurangkan risiko penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi dan kolesterol. Perubahan budaya makan dan memasak di rumah adalah alternatif yang baik untuk keluarga, walaupun ia agak mencabar bagi segelintir wanita.

Namun, cabaran ini mudah diserap wanita jika berpengetahuan tinggi dan sentiasa belajar untuk menghidangkan menu terbaik, selamat, sihat dan murah kepada keluarga.

Anak yang dididik dengan budaya makan makanan sihat tidak akan memilih makanan kurang sihat, seperti tinggi kandungan gula atau berkarbonat.

Perlu diakui budaya memasak dan makan di rumah bersama ahli keluarga mampu mengeratkan hubungan kekeluargaan, menjimatkan dan mesra kesihatan. Justeru, wanita sebagai 'suri di dapur' perlu bijaksana mengatur penggunaan sumber makanan seharian supaya penjimatan dapat dicapai.

Hari ini, majoriti masyarakat terkesan akibat krisis ekonomi dan makanan. Namun, sekecil-kecil sumbangan boleh dilakukan adalah bermula dari rumah. Justeru, wanita seharusnya terus memainkan peranan lebih bijak dalam mengurus perbelanjaan rumah tangga, sekali gus menjadi pemangkin kepada lahirnya masyarakat sejahtera, sihat dan selamat.



TAJUK : ANIS RIZANA GANTI ZAZULI

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 SEPT 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

WANITA PERTAMA KP KASTAM

Anis Rizana ganti Zazuli

Putrajaya: Datuk Anis Rizana Mohd Zainuddin@Mohd Zainuddin melakar sejarah menjadi wanita pertama dilantik sebagai Ketua Pengarah Kastam, berkuat kuasa semalam.


Anis Rizana, 54, sebelum ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) Kementerian Kewangan dan pelantikan itu bagi menggantikan Datuk Zazuli Johan yang bersara.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali yang mengumumkan pelantikan itu dalam kenyataan semalam berkata, Anis Rizana berpengalaman

luas dalam pelbagai bidang termasuk pelaburan import eksport, penyelidikan dan pembangunan dasar, ekonomi, pengurusan dan kewangan.

“Pelantikan ini kali pertama bagi seorang penjawat awam wanita menyandang jawatan sebagai Ketua Pengarah Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

“Saya percaya dengan pengalaman dan kredibiliti dimiliki, Anis Rizana mampu menerajui agensi yang amat penting dalam pengutipan hasil kerajaan dengan cemerlang ke arah mencapai visi Malaysia Madani,” katanya.



TAJUK : BOMBA PINDAH 40 MURID, GURU

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 SEPT 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

BANJIR KILAT

Bomba pindah 40 murid, guru

Bayan Lepas: Bomba melakukan tugas khas memindahkan seramai 40 kanak-kanak dan tiga guru Pasti Darul Ulum di sini selepas sekolah berkenaan dinaiki air banjir kilat.

Dalam kejadian itu, kanak-kanak berkenaan dibawa ke tempat selamat oleh kenderaan pacuan empat roda milik orang awam.

Ketua Operasi Balai

Bomba dan Penyelamat (BBP) Seri Balik Pulau Nasir Sameon berkata, terdahulu pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian pada jam 10 pagi, semalam


Katanya, anggota bersama pasukan Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) bergegas ke lokasi sebaik terima panggilan.

"Ketika di lokasi, didapati

air banjir separas 0.6 meter (2 kaki) menenggelami lantai kelas di sekolah berkenaan dan keadaan adalah terkawal. Pasukan penyelamat membantu memastikan keselamatan kesemua mangsa sebelum mereka dipindahkan ke taman permainan dengan menaiki kereta pacuan empat roda milik orang awam," katanya.



BOMBA memindahkan seramai 40 kanak-kanak dan tiga guru Pasti Darul Ulum di sini, selepas sekolah berkenaan dinaiki air banjir kilat.



TAJUK : KENAPA KAU TENGOK JE?

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 SEPT 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



VIDEO tular menunjukkan suspek (kiri) hanya melihat tanpa cuba menyelamatkan mangsa yang sedang lemas di dalam kolam renang.

BUDAK EMPAT TAHUN LEMAS DI KOLAM RENANG

KENAPA KAU TENGOK JE?

Rakaman CCTV menunjukkan abang tiri hanya lihat kejadian tanpa cuba selamat mangsa

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kajang

Penelitian terhadap rakaman kamera litar tertutup (CCTV) mendapati abang tiri kanak-kanak perempuan berusia empat tahun yang lemas di kolam renang sebuah apartmen di Bangi, 13

September lalu tidak melakukan apa-apa sebaliknya hanya melihat sahaja mangsa sedang lemas.

Pendedahan itu dibuat Ketua Polis Daerah Kajang Asisten Komisioner Mohd Zaid Hassan dalam satu kenyataan media, semalam.

Menurut Mohd Zaid, ia hasil penelitian yang dijalankan terhadap rakaman CCTV yang mendapati ketika kejadian suspek

turut berada di lokasi berkenaan.

“Suspek dilihat sedang leka melakukan sesuatu sambil melihat sahaja mangsa yang sedang lemas tanpa melakukan sesuatu untuk menyelamatkannya,” katanya lagi.

Menurut Mohd Zaid, suspek

ditahan pada Ahad lalu oleh anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang.

Katanya, terdahulu, pihaknya menerima laporan berkaitan kejadian daripada pegawai perubatan Hospital Serdang yang menerima


mangsa dalam keadaan tidak sedarkan diri, 13 September lalu.

“Siasatan mendapati, kira-kira jam 3 petang, mangsa dipercayai lemas berkenaan sebelum dibawa ke klinik dan kemudiannya dirujuk ke Hospital Serdang. Mangsa disahkan meninggal dunia kira-kira jam 1 tengah hari, keesokan harinya selepas mendapatkan rawatan.

“Pada awalnya, kes diklasifikasikan sebagai kematian mengejut (SDR) dan kini, kes diasiat mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001,” katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian diminta menghubungi balai polis berdekatan atau Pegawai Penyiasat, Inspektor Muhammad Azrul Nizam Zainal Abidin di talian 016-9985730.

“Suspek dilihat sedang leka melakukan sesuatu sambil melihat sahaja”
Mohd Zaid



TAJUK : Pendarahan Otak Punca Kematian

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 SEPT 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

MAYAT WANITA DI PANTAI PUTERI

Pendarahan otak punca kematian

Melaka: Tiada unsur jenayah sebaliknya wanita yang ditemui maut di Pantai Puteri, Tanjung Kling dekat sini, pagi kelmarin meninggal dunia disebabkan pendarahan bawah selaput otak.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit (*gambar*) berkata, proses bedah siasat dilakukan Pakar Forensik Hospital Melaka, Dr Muhammad Nabil Mohd Johari bermula jam 3.15 petang hingga 8.15 malam kelmarin.

Menurutnya, mangsa disahkan meninggal dunia akibat 'sabdural haemorrhage due to ruptured' (pendarahan bawah selaput otak disebabkan oleh miningiome yang pecah).



"Pihak forensik juga

mengambil cap jari untuk disemak dengan pihak Jabatan Pendaftaran negara bagi mengesan identiti sebenar selain DNA si mati juga dihantar ke makmal," katanya dihubungi di sini.

Beliau turut mengesahkan setakat ini belum ada waris tampil membuat pengecaman atau menuntut mayat berkenaan selain tiada mana-mana pihak membuat laporan kehilangan di balai polis.

Sementara itu, Ketua Balai Nelayan Pengkalan Perigi, Abdul Zamzuri Abdullah, 53, berkata, seorang lelaki yang datang untuk ber-

kelah di pantai itu memaklumkan penemuan mayat itu kepadanya sebelum dia menghubungi talian kecemasan 999 untuk bantuan. "Saya baru naik ke darat untuk berehat di pengkalan selepas memasang jaring sebelum muncul seorang lelaki dalam keadaan cemas beritahu dia terjumpa mayat di pantai.

"Sebaik pergi melihat ke tempat kejadian saya dapati mayat lengkap berpakaian dalam keadaan tertiarap dengan separuh badan tertimbus dengan pasir di Pantai Puteri, Tanjung Kling, di sini," katanya ketika dihubungi.

MAYAT seorang wanita yang ditemui terdampar ditimbus pasir di Pantai Puteri.





TAJUK : TRAGEDI 'MAKAN ANGIN'

HARI : SELASA

TARIKH : 26 SEPT 2023

TONE : NEGATIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 03

SEKTOR : KPWKM

TRAGEDI 'MAKAN ANGIN'

Seorang pelancong warga Singapura maut, 10 lagi cedera van terjunam ke dalam cerun

Oleh Zuhainy Zulkifli
am@hmetro.com.my

Balik Pulau

Polis sudah mengenal pasti identiti seramai 11 mangsa yang terabit dalam kejadian van terjunam ke dalam cerun di Jalan Teluk Kumbar, Bukit Genting di sini, kelmarin. Dalam kejadian itu, seorang wanita dilaporkan maut di tempat kejadian, manakala 10 lagi termasuk pemandu van dibawa ke hospital bagi tindakan lanjut.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintendan Kamarul Rizal Jenal berkata, hasil siasatan mendapati van dipandu lelaki tempatan itu membawa 10 pelancong yang terdiri daripada sembilan warga Singapura dan seorang wanita tempatan.

Katanya, bagaimanapun, ketika menuruni bukit di kawasan itu, pemandu lelaki yang berusia 61 tahun dikatakan gagal mengawal kenderaan sebelum terbas dan terjatuh ke cerun sedalam enam meter.

"Akibat kejadian, seorang wanita warga Singapura berusia 50-an maut di lokasi susulan mengalami kecederaan parah di kepala.

"Manakala sembilan lagi pelancong terdiri daripada lapan warga Singapura dan seorang wanita tempatan selamat, namun ada yang mengalami kecederaan pada leher, kaki dan tangan.

"Mereka yang terselamat termasuk pemandu itu berusia antara 55 hingga 69 tahun dan kesemua sudah dihantar ke hospital bagi rawatan lanjut," katanya di sini, semalam.

Mengulas lanjut Kamarul berkata, penumpang wanita tempatan berusia 56 tahun itu adalah pekerja kilang di Singapura.

"Mangsa dipercayai datang bersama pelancong dari negara berkenaan.

"Mayat mangsa yang terkorban dalam insiden itu dihantar ke Hospital Balik Pulau bagi bedah siasat dan kita juga akan maklum kejadian pada pihak Kedutaan Singapura," katanya lagi.

Kes disiasat mengikut



ANGGOTA bomba mengeluarkan mangsa dari dalam van yang terbas ke dalam cerun sedalam enam meter di Bukit Genting, Balik Pulau. - Gambar NSTP/MIKAIL ONG



Akibat kejadian, seorang wanita warga Singapura berusia 50-an maut di lokasi susulan mengalami kecederaan parah di kepala"


Kamarul Rizal

Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Semalam Harian Metro melaporkan insiden berkenaan selepas pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menerima panggilan pada jam 8.14 malam.



MAYAT wanita warga Singapura dibawa ke Hospital Balik Pulau untuk bedah siasat.



TAJUK : 12 REWARDED DURING ASSOCIATION'S MOONCAKE FESTIVAL CELEBRATION

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 26 SEPT 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

12 rewarded during association's Mooncake Festival celebration

KAPIT: Twelve children were the recipients of cash incentives for doing well in their studies, during Kapit Chiang Hsia Hwang Clan Association's annual Mooncake Festival celebration here Sunday evening.

The recipients, who are children of the association's members, were rewarded for doing well in their school and public examinations last year.

"Recognising the students for their good results serves to encourage them and their peers to continue studying hard.

"By doing well in their studies, the students will in future be able to contribute positively back to our communities," said Deputy Minister in the Premier's Department Jefferson Jamit Unyat.

The Bukit Goram assemblyman's text of speech was read by his service centre officer in charge James Sandak, who represented him at the event.

Jamit was unable to attend the celebration due to prior commitments in Kuching.

On the Mooncake Festival celebration, the deputy minister praised the association for



James (fifth right) and guests in a photo call with the recipients of the study incentives.

inviting community leaders and government department heads of all races to the event.

"When people from different backgrounds come together, it helps to promote friendship and better understanding among each other," he added.

Later during the event, James

announced a government grant of RM5,000 from Jamit to Kapit Chiang Hsia Hwang Clan Association.

Among the attendees were association chairman Wong Kee Wei, deputy chairman Wong Tze Teck, organising chairman Wong Siong Hong, Bukit Mabong

district officer Calvin Linggong, Kapit police chief DSP Rohana Nanu, Kapit Resident's Office administrative officer Rolyn Terrance Janting, Pemanca Wong Kie Ing, Penghulu Sia Shui Poh, and Kapit Kwang Tung Association chairman Kong Sien Hua.



TAJUK :	ANIS RIZANA FIRST WOMAN APPOINTED AS MALAYSIAN CUSTIMS DG		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	26 SEPT 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Anis Rizana first woman appointed as Malaysian Customs DG

PUTRAJAYA: Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin made history by becoming the first woman director-general of the Royal Malaysian Customs Department.

Her appointment is in effect from yesterday, announced the Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali in a statement.

He said Anis Rizana, 54, formerly the Finance Ministry Deputy Secretary-General of Treasury (Investment), has extensive experience in various fields including investment, import-export, research and policy development, economics, management and finance.

She was appointed to replace Datuk Zazuli Johan who retired.



Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin

"This appointment is the first for a female civil servant to assume the position of Director General of Customs, Royal Malaysian Customs Department.


"I believe that with her experience and credibility, Anis Rizana is able to lead an agency that is very important

in collecting revenue for the government," said Mohd Zuki.

Anis Rizana has been with the Malaysian civil service for 29 years, with her first position as Assistant Secretary in the Finance Division of the Ministry of Finance in 1994.

She holds a Bachelor's Degree in Business Administration from Western Michigan University, USA, and a Master's Degree in Business Administration from Universiti Putra Malaysia.

Meanwhile, Mohd Zuki expressed the government's appreciation and gratitude to Zazuli for his service and dedication to public service, especially during his tenure as Customs director-general. — Bernama



TAJUK :	FATIMAH: INADEQUATE AWARENESS ON VALUE OF EDUCATION ONE OF FACTORS LEADING TO CHILD MARRIAGE		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	26 SEPT 2023	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Fatimah: Inadequate awareness on value of education one of factors leading to child marriage

KUCHING: Insufficient awareness on the value of education is one of the contributing factors to child marriage, said Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister Dato Sri Fatimah Abdullah.

According to her, teenagers marrying at a young age can be attributed to students choosing to drop out because they lack interest in schooling.

"I've interviewed these dropouts – there are individuals who dropped out from school since Primary 6, Form 2 and Form 6.

"When I asked them why they chose to drop out, they said they simply didn't like schooling," she said.

When this happens, Fatimah said they were told to just get married as another resort for their future, referencing the old cultural practice of choosing marriage over formal education.

"In the past – or at least during my mother's time – girls were considered 'unworthy' by the age



Dato Sri
Fatimah
Abdullah

of 15. However, things are slowly changing. What we (ministry) are more concerned about now are teenagers opting to drop out from school," she said.

She said this after officiating the Gifted Arts Gallery held at Plaza Merdeka here in conjunction with the Mid-Autumn Festival, when asked to comment on the statistics from the Department of Syariah Judiciary Malaysia citing Sarawak as having the highest number of child marriages.

Regarding the issue of child marriages, Fatimah said the

community needs to be taught the importance of education.


"In some communities even if the parents have tried to encourage their children to stay in school at least until Form 5, these teenagers decide to drop out instead.

"As they are too young (underage) to get a job, they end up getting married. These are some of the contributing factors for child marriages," she said.

On the issue of teenage pregnancies, she said cases in Sarawak have reduced by 38.09 per cent since 2016 to 2022.

She also mentioned the ongoing efforts of the Sexual Education Awareness and Advocacy Programme, which involves collaborating with schools and has been crucial in addressing teenage pregnancy.

"We have been addressing this issue since 2016 and we have seen teenage pregnancy cases reduce but we still need to keep going," she said.



TAJUK : FIRE LEAVES FAMILY OF SIX IN LAMBIR HOMELESS

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 26 SEPT 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Fire leaves family of six in Lambir homeless

Philip Kiew

MIRI: A family of six was left homeless after a fire destroyed their house in Kampung Tunku Abdul Rahman in Lambir here yesterday morning.

No injuries were reported as all the victims, comprising four adults and two children, managed to escape unscathed.

Fire and Rescue Department (Bomba) Miri head Ismaidi Ismail said a member of the public made an emergency call at 7.16am reporting the fire.

"A team from the Miri Central fire station was rushed to the location and found that a 20x30 foot semi-permanent house was already on fire.

"Our team proceeded to extinguish the fire using one stream of auxiliary lines and one stream of two nozzles from the fire hydrant until the fire was successfully controlled and




Firefighters conduct overhaul works at the razed house.

fully extinguished," he said in a statement.

The cause of the fire is being investigated by Bomba, while

